

TOGETHER STRIVE TOWARD EXCELLENCE

Junaidah binti Zainal Abidin
Guru Besar
SK Rambai Tujuh, Kuala Kangsar, Perak

ABSTRAK

Program *Together Strive Toward Excellence* adalah bertujuan mengubahsui fizikal sekolah yang kondusif dalam aspek PdPc, meningkatkan keceriaan sekolah yang berinformatif, menaik taraf Pusat Sumber Sekolah, membina Laman Pertanian, dan melaksanakan Program Pengantarabangsaan. Kaedah pelaksanaan program adalah melalui kolaborasi Sekolah Kebangsaan Rambai Tujuh dengan pihak berkepentingan seperti ibubapa, masyarakat, sekolah harian dan berasrama penuh, persatuan bekas pelajar, badan korporat, kerajaan dan politik. Hasil daripada program adalah terdapat peningkatan peratus kehadiran murid, dan peningkatan peratus lulus UPSR berbanding prestasi ujian awal bulan Mac. Selain itu, terdapat pencapaian 100 peratus lulus bagi kertas peperiksaan Bahasa Melayu I dan II, Matematik dan Sains, manakala pencapaian 80 peratus lulus bagi Bahasa Inggeris I, dan 60 peratus lulus bagi Bahasa Inggeris II. Program ini juga telah meletakkan Pusat Sumber Sekolah sebagai naib johan dalam pertandingan Pusat Sumber Sekolah Cemerlang Peringkat Negeri Perak. Melalui pengantarabangsaan dengan Sekolah Dasar Islam Yokyakarta Indonesia, para pelajar telah berpeluang mempelajari budaya negara lain bagi membina pengetahuan dan pengalaman baru yang lebih mencabar. Aktiviti laman pertanian pula telah menarik minat murid kepada PdPc di luar bilik darjah dengan pengalaman agro pertanian. Kesimpulannya, program ini telah berupaya mewujudkan keselesaan murid untuk belajar hasil daripada pengubahsuaian suasana PdPc dan prasarana, berserta landskap keceriaan sekolah yang penuh informasi. Program ini juga dapat membentuk murid yang berdisiplin, mementingkan ilmu pengetahuan, gemar membaca, mahir mencari maklumat, serta mampu belajar secara sendiri sejajar dengan pendidikan Abad Ke21.

Kata kunci: Program Kolaborasi, Keceriaan Sekolah, Pusat Sumber Sekolah, Laman Pertanian, Program Pengantarabangsaan Sekolah

LATAR BELAKANG

Organisasi

Pendidikan bukan agenda negara yang boleh dijayakan secara bersendirian. Ia merupakan bidang yang melibatkan dan memerlukan komitmen semua pihak berkepentingan (stakeholders). Kejayaan sistem pendidikan sebagai perkhidmatan kepada masyarakat akan dinilai berdasarkan keupayaannya untuk dinikmati oleh kumpulan sasaran iaitu para pelajar dan seterusnya untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat pada masa hadapan. Kejayaan ini banyak dipengaruhi oleh kekuatan kerjasama dalam dan luar organisasi pendidikan. Keupayaan mengenal pasti dan memanfaatkan sepenuhnya jalinan kerjasama menentukan kejayaan PPPM. Semua pihak sewajarnya menyedari dan menerima hakikat bahawa agenda pendidikan perlu dijayakan secara kolaborasi atau bersama.

Menurut Kamus Dewan edisi keempat, organisasi bermaksud 'kesatuan yang terdiri daripada bahagian-bahagian dalam sesuatu pertubuhan untuk tujuan-tujuan tertentu'. Jaafar Muhammad (1997) mendefinisikan organisasi sebagai gabungan dua orang atau lebih yang

bekerja bersama-sama secara berkordinasi bagi mencapai sesuatu hasil atau objektif. Seseorang pengurus perlu memastikan penggabungan sumber dalam organisasi disusun dengan baik dan berkesan agar matlamat yang dirancang akan tercapai.

Sekolah sebagai satu sistem sosial yang tersendiri dan menjadi agen perubahan masyarakat seharusnya mengikut perubahan masyarakat. Ini kerana masalah masyarakat merupakan masalah sekolah juga. Maka dalam hal ini, tidak dapat tidak masyarakat perlu bekerjasama dengan sekolah untuk mencapai cita-cita sekolah dan Negara. Ibrahim (2001). Malahan institusi pendidikanlah yang memberikan perkhidmatan yang paling rapat dan berpanjangan kepada hampir semua golongan masyarakat. Timbulnya isu-isu pendidikan boleh mempengaruhi dan dipengaruhi oleh masyarakat. Oleh itu penglibatan masyarakat dalam bentuk jalinan kerjasama atau perkongsian bagi kepentingan bersama dapat menjayakan hasrat dan aspirasi yang diimpikan.


Pepatah Melayu 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'. Konsep 'kerjasama' ini boleh dilaksanakan dipelbagai peringkat seperti: di dalam sekolah – sesama warga sekolah; di antara sekolah, institusi pendidikan tinggi / zon pendidikan; bersama pihak PIBG – ibu bapa / penjaga ; bersama masyarakat setempat atau masyarakat luar dan bersama dunia korporat. Jalinan kerjasama atau perkongsian bijak boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk. Bentuk tersebut meliputi sumber kewangan, alatan dan barangan , sumber manusia dan kepakaran , sokongan moral , nilai komersial dan sokongan politik. Dengan adanya jalinan kerjasama, maka lahirlah rasa kepunyaan, perkongsian tanggungjawab dan komunikasi berkesan. Kolaborasi ini tidak hanya terbatas dalam organisasi tetapi dengan keseluruhan masyarakat.

Seperti yang dinyatakan oleh Atwater dan Carmeli (2009), perubahan persekitaran dan peningkatan persaingan antara organisasi pada masa sekarang, telah memaksa organisasi berusaha dengan lebih gigih bagi meningkatkan produktiviti dan kreativiti daripada seluruh individu di dalam organisasi. Perkara ini merupakan cabaran utama bagi pihak pengurusan dan pengetua untuk mengenal pasti cara-cara yang diperlukan untuk memperkuatkan dan memotivasi kreativiti dan inovasi daripada individual didalam organisasi.

Kepimpinan

Menurut Baharom 2001, bahawa pengetua yang berjaya mewujudkan kerjasama dan kolaborasi kerja dengan semua warga sekolah dan masyarakat menunjukkan mereka mempunyai kepimpinan yang berjaya. Kemahiran pengetua/guru besar dapat mempengaruhi persekitaran dan pihak berkepentingan di luar sekolah bagi menghasilkan persekitaran yang lebih kondusif. Dengan kewujudan program-program tertentu, hubungan komuniti yang baik membolehkan pihak sekolah mendapat maklumat dan sokongan dalam banyak hal.

Menurut Rutter et al 1979, kolaborasi dan kerja berpasukan adalah sangat penting dalam kesatuan matlamat. C. Bernard 1938 pula (disebut di dalam Mohd. Salleh Bin Mahat) dalam bukunya yang berjudul 'The functions Of The Executives' menjelaskan bahawa 'pentadbir perlu menggunakan sepenuhnya sumber yang ada dan mendapat sokongan daripada ahli sistem sosial di sekolah dan masyarakat luar'. :



Rajah 1. Hubungan Sekolah, Ibu Bapa dan Komuniti

Rajah 1 menunjukkan bagaimana hubungan tiga dimensi antara sekolah, ibubapa dan komuniti dalam mencapai matlamat yang sama. Hubungan tiga dimensi ini adalah amat penting kerana:

- Mewujudkan permuafakatan dan perkongsian pintar yang mantap dan akrab antara pihak sekolah, rumah dan komuniti supaya sistem pendidikan mencapai kejayaan.
- Penglibatan masyarakat amat penting dalam membentuk dan mendidik generasi masa depan.
- Masyarakat dapat menjayakan hasrat murni ini melalui sumbangan idea, tenaga, bahan atau peralatan serta wang ringgit.

Hubungan tiga dimensi iaitu sekolah, rumah dan komuniti perlu diberi penekanan. Ketiga-tiga entiti ini perlu ada hubungan yang mantap dan akrab kerana kejayaan sistem pendidikan negara bergantung kepada sejauh mana ketiga-tiga elemen ini dapat berfungsi, saling melengkapi dan bantu membantu antara satu sama lain. Pihak pengurusan sekolah boleh memainkan peranan utama dalam merapatkan hubungan antara rumah dan komuniti melalui pelbagai cara selain daripada yang diketahui umum iaitu melalui PIBG”.

Selain itu, guru besar juga perlu memberanikan diri membuat perubahan dan membuat penambahbaikan, Ayob Jantan, (2005). Ini sejajar dengan strategi pelaksanaan dasar pendidikan kebangsaan iaitu meningkatkan kerjasama antara sekolah dengan masyarakat dan rangkaian sekolah-jaringan murid di peringkat antarabangsa.

1.3 Sekolah

Sekolah merupakan salah satu tempat digunakan oleh setiap orang untuk mendapatkan pendidikan. Pada masa sekarang sekolah bukan hanya tempat memberi pendidikan saja, tetapi juga bersaing untuk melaksanakan aktiviti pendidikan ke arah kreativiti yang lebih mencabar. Hal ini bertujuan agar sekolah tersebut akan lebih diminati oleh masyarakat kerana kelebihan-kelebihannya serta untuk meningkatkan imej sekolah tersebut. Sebagai contoh, sekolah yang memiliki sarana dan prasarana yang lebih lengkap dari sekolah yang lain lebih diminati daripada sekolah yang memiliki sarana dan prasarana kurang lengkap atau sekolah yang letaknya strategis dan mudah dijangkau dengan kenderaan umum juga lebih diminati. Untuk itu, sekolah-sekolah perlu menyampaikan informasi mengenai keunggulan-keunggulan yang mereka punyai agar dikenal dan diketahui oleh masyarakat luas.

Program sekolah merupakan suatu pedoman, petunjuk arah, dan penggerak yang menentukan keberkesanan aktiviti kecemerlangan sekolah. Mutu suatu kegiatan sekolah sangat bergantung pada program yang dilaksanakan. Apabila program sekolahnya baik maka kegiatan-kegiatan sekolah turut bertambah baik, dan begitu pula sebaliknya apabila program sekolahnya tidak bermutu maka sudah barang tentu kegiatan-kegiatan sekolahnya tidak akan bermutu pula. Berkaitan dengan program sekolah ini sangat berkaitan dengan pencapaian tujuan pendidikan. Perlu diketahui bahwa semua kegiatan yang dilakukan di sekolah yang merupakan realisasi dari program sekolah yang telah dibuat, semua itu harus bermula pada satu titik ke arah mencapai tujuan pendidikan sebagaimana yang diharapkan.

Berdasarkan pada huraian di atas tampak jelas bahwa program sekolah sangat penting dalam dunia pendidikan. Oleh karena itulah, program sekolah Kebangsaan Rambai Tujuh telah dirancang dengan sempurna untuk menjaga mutu dan pengembangan aktiviti ke arah yang lebih baik. Walaupun sekolah ini terletak di pedalaman 4 km daripada jalan raya dan 19 km daripada Bandar Kuala Kangsar, dan dibina di lereng bukit, segala program sekolah ini telah dirancang dengan berkesan agar menghasilkan aktiviti yang lebih bermutu. Dari hasil evaluasi inilah, dapat dilakukan penambahbaikan, pengembangan, dan peningkatan program sekolah sehingga segala program yang dirancang semakin sempurna sesuai dengan tuntutan dan harapan dalam rangka mencapai tujuan pendidikan.

MASALAH KAJIAN

Analisis Persekitaran Sekolah

Sekolah merupakan sebuah bangunan atau tempat yang berfungsi sebagai gedung untuk menimba ilmu. Fizikal dan persekitaran sekolah sangat mempengaruhi perkembangan pelajar. Fizikal dan persekitaran sekolah yang kondusif menarik minat murid-murid belajar dengan selesa dan ceria. Sekolah yang dibincangkan merupakan sebuah sekolah rendah yang serba kekurangan, merupakan luar bandar di kawasan pedalaman 4 km dari jalan raya menyusuri jalan kampung, menyeberangi 3 anak sungai melintasi 3 jambatan. Sekolah ini terletak 16 km dari Bandar Diraja Kuala Kangsar, Perak. Sekolah Kebangsaan Rambai Tujuh adalah sebuah sekolah kurang murid dengan enrolmen murid 48 orang merangkumi murid-murid Tahun 1 hingga Tahun 6. Bilangan murid setiap kelas di antara 5 hingga 12 orang dibantu oleh 11 orang tenaga pengajar.

Sekolah Kebangsaan Rambai Tujuh dibina sebuah perkampungan tradisional yang terdiri dari penduduk berbangsa Melayu beragama Islam. Majoriti penduduknya bekerja sendiri (66.7%) dengan menjalankan aktiviti pertanian, pekebun kecil, peladang dan penoreh getah dengan pendapatan isi rumah kurang daripada RM1000 sebulan. Hanya 10% sahaja yang berkerja dengan sektor kerajaan dan sebagai korporat.

Justeru, sekolah sukar menjalankan program-program sekolah dalam kewangan yang ketat. Fizikal dan Prasarana sekolah serta Pusat Sumber sekolah kurang kondusif kerana kekurangan peruntukan untuk melaksanakan program penambaaikan. Latarbelakang pendidikan kebanyakan ibubapa pada tahap rendah menyebabkan taraf sosio ekonomi mereka rendah kerana pendapatan mereka tidak tetap. Rata-rata mereka bekerja sendiri. Masih terdapat keluarga yang berpendapatan dibawah RM 600. Pihak sekolah sukar mendapat kerjasama dalam melaksanakan aktiviti meningkatkan prestasi sekolah sama ada dalam bidang akademik, kokurikulum dan sebagainya.

Tahap kecergasan murid dan motivasi murid agak rendah kerana mereka kurang mendapat pendedahan dan motivasi dalam membina keyakinan diri murid. Kaedaan ini berlaku kerana tahap kesedaran ibubapa tentang kepentingan pendidikan masih rendah. Segelintir ibubapa tidak mementingkan pelajaran. Justeru, mereka tidak memberi bimbingan dan galakan anak-anak mengulang-kaji pelajaran di rumah. Tugas mendidik diserahkan kepada pihak sekolah semata-mata. Terdapat sebilangan ibubapa yang tidak melibatkan diri dalam aktiviti sekolah kerana mereka sibuk bekerja untuk meningkatkan sosio ekonomi keluarga. Murid-murid juga kurang mendapat pendedahan dengan dunia luar. Lantaran itu, pihak sekolah telah merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti bagi membuka minda murid- murid dan dan masyarakat sekitar bagi merapatkan jurang pendidikan dan sosio budaya dengan pelajar bandar agar prestasi sekolah berada pada tahap cemerlang.

Keputusan Peperiksaan

Analisis Peperiksaan Akhir Tahun

Jadual 1.

Pencapaian peperiksaan Tahun 6

Gred	A		B		C		D		E		Lulus	
	MAC	UPSR	MAC	UPSR	MAC	UPSR	MAC	UPSR	MAC	UPSR	MAC	UPSR
MP												
BM1	2	3	4	2	4	5	0	0	0	0	10	10
BM2	2	1	0	5	3	0	4	4	1	0	9	10
BI1	0	0	1	1	3	5	4	2	2	0	8	8
BI2	0	1	0	0	4	3	0	2	6	4	4	6
MT	0	0	0	1	0	3	0	6	10	0	0	10
SN	0	0	1	2	2	6	5	2	2	0	8	10

Pencapaian keseluruhan dalam ujian bulan Mac amat lemah 0% menguasai. Khususnya peratus keseluruhan pencapaian prestasi Matematik masih lemah. Masih ramai murid tidak menguasai sifar 2 hingga 9 dengan baik dan berkesan. Pada peringkat permulaan kajian ini, tinjauan awal proses pengajaran dan pembelajaran telah dilaksanakan dengan membuat pemerhatian kepada murid-murid Tahun 6, Sekolah Kebangsaan Rambai Tujuh. Kelemahan dalam memahami fakta asas membuatkan murid-murid memberikan jawapan yang salah.

Oleh yang demikian, pihak sekolah dengan kerjasama pelbagai agensi sama ada agensi pendidikan dan agensi lain, seperti MUBARAK, Bank Rakyat dan Masjid Ridzuaniah membantu dari segi kewangan. Manakala kepakaran kurikulum seperti MCKK, MRSM dan sekolah yang cemerlang telah merangka dan melaksanakan kelas motivasi dan bimbingan kepada murid-murid Tahun 6 yang menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran matematik. Program kolaborasi dengan pelbagai pihak dibangunkan bagi membantu mereka menguasai kemahiran asas tersebut. Kaedah ini diperkenalkan dalam bentuk eksplorasi, rekreasi dan permainan dilihat mampu menjana minat dan kreativiti mereka untuk meminati matapelajaran Matematik. Tidak ketinggalan juga fokus diberi kepada mata pelajaran lain. Murid-murid diberi bimbingan dalam pelbagai bentuk aktiviti melibatkan ibubapa dan masyarakat.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mencari sumber kewangan untuk menjalankan program-program sekolah melalui kerjasama antara pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat sekitar.
- ii. Meningkatkan keyakinan diri para pelajar luar bandar agar mereka mampu bersaing dengan pelajar Bandar.
- iii. Membuka minda pelajar tentang budaya negara serumpun

KAEDAH KAJIAN

Pelbagai kaedah kajian digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data. Antaranya ialah:

i. Kaedah pemerhatian

Memerhatikan ciri-ciri fizikal sekolah dan prasarana setempat seperti bentuk muka bumi, tumbuh-tumbuhan semula jadi, dan kegiatan ekonomi penduduk sekitar. Saya juga membuat pemerhatian terhadap ciri-ciri budaya di kawasan persekitaran sekolah seperti petempatan, pengangkutan dan perhubungan, kegiatan ekonomi, sumber dan kemudahan berkaitan dengan pendidikan dan sosial. Saya juga memerhatikan kepentingan jaringan sistem pengangkutan di kawasan ini. Melalui kaedah ini saya telah memperoleh maklumat seperti konsep kegiatan ekonomi, jenis pekerjaan penduduk setempat dalam usaha-usaha meningkatkan bantuan dari segi tenaga dan idea serta sumber kewangan bagi membantu merealisasikan matlamat dan hala tuju kecemerlangan sekolah.


ii. Kaedah temu bual

Saya telah menemubual Pegawai PPD, Pemimpin setempat, pemimpin sekolah, guru-guru, staf sokongan, PIBG, ibubapa dan penduduk sekitar sekolah bagi mendapatkan pelbagai maklumat sabagai panduan merancang plan strategik dalam membentuk hala tuju sekolah. Saya telah menemubual penduduk-penduduk Kampung Rambai Tujuh mengenai jenis-jenis bantuan dan sokongan yang mampu disumbangkan bagi menaik taraf prasarana sekolah, meningkatkan prestasi sekolah dan memartabatkan nama sekolah di peringkat antarabangsa.

iii. Rujukan perpustakaan

Membuat rujukan melalui pusat sumber sekolah, internet, buku teks dan buku rujukan untuk memperoleh maklumat untuk prestasi sekolah bagi merangka plan strategi dan program bagi merancang dan menggerakkan aktiviti pendidikan menjurus ke arah hala tuju yang dibina dalam merangka pelaksanaan perubahan dan penambahbaikan bagi meningkatkan prestasi sekolah sejajar dengan falsafah pendidikan Negara.

Dalam merangka strategi bagi menentukan keseluruhan skop aktiviti organisasi, hala tuju jangka panjang organisasi, memadankan aktiviti sebuah organisasi dengan persekitaran dan membentuk aktiviti yang boleh dibekalkan sesuai dengan sumber sebuah organisasi. Saya telah menggunakan model berasaskan idea Barry (1986). Sesebuah organisasi sentiasa menyesuaikan diri dengan persekitaran bagi mencari penyesuaian terbaik.. Apabila berada dalam keseimbangan dan wujud perubahan dalam persekitaran, organisasi perlu bertindak balas dengan cara yang tertentu bagi mengekalkan keseimbangannya.



- Keputusan mengurus
- Proses strategi

Rajah 2. Model Asas Pengurusan Strategik

Kajian ini dilaksanakan berasaskan idea Barry (1986). Beliau menyenaraikan lima langkah iaitu terurus, membuat pilihan membina strategi, mendraf dan memperhalus rancangan dan melaksanakan rancangan. Sebagai tambahan kepada lima tahap yang diuraikan di atas, tahap ke enam ditambah iaitu membuat keputusan dalam memilih strategi.

- A. Memutuskan bagaimana hendak mengurus
 - Memutuskan sama ada hendak membina perancangan strategik ataupun tidak.
 - Mendapatkan komitmen
 - Menentukan sama ada memerlukan bantuan luar ataupun tidak
 - Menggariskan proses rancangan formal yang sesuai
 - Menubuhkan pasukan perancang

Semua yang terlibat dalam perancangan perlu yakin ini adalah proses penggunaan masa dan usaha dengan sewajarnya. Bantuan luar berguna untuk sekolah yang tidak yakin dengan kebolehan sendiri bagi menjalankan proses ini, ataupun sekolah yang yakin tetapi menyedari nilai rakan krisis khususnya seorang yang berpengalaman bagi membantu dan menimbulkan isu yang mungkin terlepas daripada perhatian mereka.

B. Membuat penilaian dengan menganalisis

- Keadaan masa lalu dan dan semasa
- Misi
- Peluang dan ancaman
- Kekuatan dan kelemahan
- Isu genting untuk masa hadapan

Sebarang rancangan perlu bermula dengan kedudukan sekolah sekarang. Oleh itu, keadaan sekarang perlu dikaji dan dinilai sebab-sebab masa lalu yang berkaitan kedudukannya. Tujuan sekolah, termasuk kumpulan yang diberi khidmat dan tujuan amnya, hendaklah dikaji. Analisis SWOT dapat mendedahkan kekuatan dan kelemahan sekolah serta peluang dan ancaman dari luar sekolah. Daripada analisis ini beberapa isu penentu masa depan sekolah dapat diketahui.

C. Memutuskan bagaimana hendak memilih

- Pilih pendekatan perancangan
- Siapa yang sepatutnya terlibat dan bagaimana

Selepas selesai tahap analisis, suatu pendekatan ataupun gabungan beberapa pendekatan perancangan hendaklah dipilih untuk membantu pembentukan strategi alternatif masa depan. Pendekatan itu adalah:

- a. Membentuk satu wawasan
- b. Mengenal pasti dan menyelesaikan isu strategic(Bryson, 1988)
- c. Menentukan matlamat
- d. Pendekatan kos faedah

D. Membina strategi dan dan memilihnya

- Memngenalpasti dan menilai alternatif
- Membina strategi
- Menilai strategi

Teknik dan cara bekerja yang dipilih digunakan untuk menjelaskan tujuan dan hasil serta membina alternatif untuk mencapai kesudahannya. Cara-cara itu dikumpul dan dinilai untuk memilih strategi

E. Memutuskan format rancangan dan pelaksanaan

- Bersetuju dengan format rancangan
- Memutuskan bagaimana ia hendak dilaksanakan

Rancangan strategik adalah dokumen yang kompleks dalam bentuk hendak diterbitkan dan perlu menggunakan rancangan. Dengan persetujuan format, semua penyumbang tahu bagaimana rupa dokumen itu dan draf yang pertama boleh diterbitkan.

F. Rancang dan laksana

- Membina draf pertama
- Memperhalus rancangan
- Menerima rancangan
- Melaksanakan rancangan
- Memantau prestasi

- Mengambil rindakan pembedulan
- Mengemaskini rancangan

Rancangan perlu dihalusi melalui perbincangan. Rancangan akhir perlu dipersetujui dan diterima secara formal. Rancangan hendaklah mengandungi tindakan, skala masa, sumber yang diperlukan, keperluan perkembangan staf dan tanggungjawab yang digabungkan supaya jadual tindakan jelas. Semasa tindakan ini dilaksanakan, setiap aktiviti perlu diawasi dan dibandingkan dengan apa yang dirancang supaya sebarang tindakan pembedulan dapat dijalankan. Rancangan ini hendaklah dikemas kini dari semasa ke semasa.

PENUTUP

Program *Together Strive Toward Excellence* merupakan satu penggerak untuk melakukan aktiviti bagi mencapai sesuatu matlamat dan hala tuju sekolah. Dengan adanya jalinan dan jaringan, maka wujudlah kerjasama, sifat tolong-menolong antara satu sama lain. Program ini merupakan satu medium untuk pelbagai lapisan masyarakat berbuat kebajikan dengan memberi bantuan dan sumbangan dalam bentuk barangan, kewangan, tenaga, dan kepakaran. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk melonjakkan nama sekolah yang terletak jauh di pedalaman dan meningkatkan prestasi murid-murid supaya berani bersaing dan mampu duduk seiring dengan sekolah-sekolah bandar. Secara tidak langsung pemupukan nilai dan jati diri murid telah berlaku.

Namun, sokongan kewangan untuk sekolah di luar Bandar oleh pihak kementerian perlu dikaji semula. Walaupun ibu bapa dan penduduk sekitar sentiasa ikhlas menyumbang untuk menyokong program-program sekolah, pendapatan ibu bapa luar bandar yang rendah akan sedikit sebanyak merencatkan pengurusan kewangan keluarga.

Hasrat yang ingin diterapkan melalui program ini, adalah melahirkan murid-murid yang berakhlak mulia, berbudi pekerti tinggi, berdikari, berdaya saing menghadapi cabaran pendidikan masa kini, dan mampu berkomunikasi dengan pelbagai lapisan masyarakat dengan berhemah dan bersopan santun. Dalam masa yang sama tidak lupa kepada perintah Allah dan berakhlak mulia. Saya berharap program ini dapat meningkatkan prestasi sekolah agar dapat bersaing dengan sekolah-sekolah bandar serta berada seiring dengan sekolah-sekolah berprestasi tinggi. Marilah kita sama-sama berdoa agar sekolah Kebangsaan Rambai Tujuh menjadi sekolah contoh bagi melahirkan insan yang berjaya di dunia dan akhirat.

RUJUKAN

- Abd Aziz Abd Rahman (2010). *Merancang Kemajuan Sekolah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara.
- Ayob Jantan. (2005). *Pengetua Sekolah Yang Efektif (Edisi Ke-2)*. Bentong, Pahang: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Barry , B. W. (1986). *Strategic Planning Workbook for Non Profit Organizations*, St Paul, MN: Amherst H. Wilder Foundation.
- Bryson, J.M. (1988). *Strategic Planning for Public and Non Profit Organization: A Guide to Strengthening and Sustaining Organization Achievement*. San Francisco, CA: Jossey-Bass UI.
- Dr. Kamaruddin Ilyas, Mubin Md Nor, & Dr. Hj Badrul Hisham Alang Osman (2013). *Asas dan Praktikel Kajian Tindakan*. Ipoh: Institut Pendidikan Guru kampus Ipoh.

- Ibrahim Mamat (2001). *Pengetua sekolah: Menangani Isu dan Cabaran Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Jaafar Muhammad (1997), *Asas Pengurusan*. cet.6, Fajar Bakti Sdn. Bhd: Selangor
Jurnal Penyelidikan MPBL, Jilid 5
- Mohd Salleh Mahat (2004) *Perkongsian dalam Pendidikan-Fokus di Sekolah*
- Rutter, M., Maaughan, B., Mortimore, P., & Ouston, J. (1979). *Fifteen Thousand Hours: Secondary School and Their Effects on Children*. London: Open Books.
- Sabariah Yusuf (2010). *Panduan Mengurus Peringkat Pertengahan di Sekolah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara.
- Tengku Abd. Aziz Tengku Zainal (2010). *Mengurus Kualiti di Sekolah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara.
- Zol Azlan Hamidin (2010). *Menyusun Semula Kualiti di Sekolah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara.